



NOTIS

PENYALAHGUNAAN NAMA AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah menerima maklumat berkenaan dengan beberapa individu dan syarikat-syarikat yang telah menyatakan secara palsu bahawa AMBD menyokong atau membenarkan tawaran produk kewangan mereka melalui media sosial.


AMBD ingin menasihatkan orang ramai untuk terlebih dahulu memastikan mana-mana individu atau syarikat yang memberikan atau menawarkan perkhidmatan kewangan atau produk kewangan, adalah dilesenkan oleh AMBD sebelum membuat sebarang urusan bersama mereka.

Senarai orang perseorangan atau institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui cara-cara berikut:

- Laman web AMBD <http://www.ambd.gov.bn/regulatory/financial-institutions-directory>;
- Risalah bercetak senarai institusi-institusi yang dilesen oleh AMBD di kaunter-kaunter AMBD;
- AMBD App yang boleh dimuat turun melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android secara percuma atau mengimbas kod QR seperti di bawah.



Bagi pengguna iPhone



Bagi pengguna Android

Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi pihak AMBD di talian 2388388 atau emel info@ambd.gov.bn